



**SEBARAN UNTUK AHLI SAHAJA**

**TERBITAN : 02/2019**

### **KUNJUNGAN HORMAT MSAE KEPADA KSU KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI MALAYSIA**

Pada 13 Mac 2019 yang lalu, kunjungan hormat MSAE kepada KSU Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani Malaysia iaitu Dato' Mohd Salehuddin Bin Hassan telah diadakan di Wisma Tani Putrajaya. Seramai 3 orang EXCO MSAE bersama penasihat MSAE hadir bagi kunjungan hormat tersebut. Tujuan kunjungan ini adalah untuk berkongsi maklumat tentang profesyen Jurutera Pertanian/Jurutera Makanan serta peranannya dalam pembangunan sektor agro--makanan negara. Perbincangan utama kunjungan hormat tersebut adalah berkaitan resolusi MSAE yang juga telah diserahkan kepada pihak YB Menteri. Keahlian kehormat juga telah diberikan kepada beliau.



*Gambar 1: Kunjungan hormat MSAE kepada KSU MOA telah diadakan pada 13 Mac 2019 di Wisma Tani Putrajaya.*

### **PERJUMPAAN EXCO MSAE BERSAMA MSAE-SC (KAMPUS BINTULU), UPM**

Pada 25 April 2019 yang lalu, Exco MSAE yang terdiri daripada Presiden MSAE iaitu Prof. Madya Dr Rosnah, Dr Muhamad Saufi Mohd Kassim yang merupakan Timbalan Pentadbiran MSAE Sesi 2019/2021 baru dan Dr Siti Hajar Ariffin selaku Setiausaha II MSAE telah mengadakan kunjungan ke MSAE-SC cawangan UPM Kampus Bintulu sebagai siri jelajah bagi memberi penerangan tentang aktiviti MSAE-SC.



*Gambar 2: Sesi penerangan MSAE-SC oleh Timbalan Presiden Pentadbiran MSAE 2019/2021*

### **KUNJUNGAN HORMAT MSAE KEPADA PENGARAH, BAHAGIAN KEJURUTERAAN, JABATAN PERIKANAN**

Pada 7 Mei 2019 yang lalu, Exco MSAE telah mengadakan perjumpaan dengan Pengarah Bahagian Kejuruteraan Jabatan Perikanan Malaysia iaitu Encik Ahmad Tarmidzi Bin Ramli di Wisma Tani Putrajaya. Tujuan perjumpaan ini adalah bagi membincangkan kerjasama MSAE dan Jabatan Perikanan di dalam aktiviti bersama seperti penganjuran konferens MSAE. Kunjungan ini merupakan yang pertama buat Exco baru MSAE Sesi 2019/2021 ke Jabatan Perikanan Malaysia.



*Gambar 3: Perjumpaan Exco MSAE dengan Encik Ahmad Tarmidzi Ramli, Pengarah Bahagian Kejuruteraan, Jabatan Perikanan Malaysia*

## KUNJUNGAN HORMAT MSAE KEPADA KETUA PENGARAH JABATAN PERTANIAN

Pada 7 Mei 2019, Exco MSAE telah membuat kunjungan hormat kepada Ketua Pengarah Jabatan Pertanian Malaysia iaitu YBhg. Dato' Jamal Harizan bin Yang Razali di Wisma Tani, Putrajaya. Jabatan Pertanian telah memberikan kerjasama yang sangat baik sepanjang penubuhan MSAE. Kunjungan ini adalah bertujuan untuk memperkenalkan Exco baru MSAE Sesi 2019/2021 dan juga untuk menyampaikan sijil penghargaan kepada Jabatan Pertanian yang telah menjadi penganjur lokasi sempena Konvensyen Kebangsaan Kejuruteraan Pertanian & Makanan 2019 pada 21 Mac 2019 yang lalu.



Gambar 4: Kunjungan hormat MSAE kepada Ketua Pengarah Jabatan Pertanian

## KURSUS ASAS ANALISA KOS DAN FAEDAH PROJEK BAGI JURUTERA DI JABATAN PERIKANAN MALAYSIA

Pada 23 dan 24 April 2019, MSAE telah menganjurkan Kursus Asas Analisa Kos dan Faedah Projek untuk 29 jurutera di Bahagian Kejuruteraan, Jabatan Perikanan Malaysia di Putrajaya, PPN Kedah dan Pulau Pinang serta dari Limbongan Perikanan, Klang.

Kursus ini diadakan di Institut Pertanian Serdang dan penceramah adalah Prof. Madya Dr Zulkiflie Leman yang juga merupakan Ketua Jabatan Kejuruteraan Mekanikal dan Proses. Kursus bertujuan memberi pendedahan kepada jurutera di dalam mencapai penggunaan peruntukan yang optima di dalam mengendalikan projek-projek berkaitan.



Gambar 5: Presiden MSAE dan penceramah kursus iaitu Prof. Madya Dr. Zulkiflie Leman berqambar bersama peserta.

## KUNJUNG HORMAT MSAE KEPADA KETUA PENGARAH LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG

Pada 13 Jun 2019, Exco MSAE telah mengadakan kunjungan hormat kepada Ketua Pengarah, Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) iaitu Puan Azulita bt Salim. MSAE mengucapkan tahniah atas perlantikan dan semoga LPP terus maju dalam meningkatkan taraf ekonomi dan sosial kepada pengiat industri pertanian dan makanan negara.

Lanjutan dari pertemuan dengan Ketua Pengarah LPP yang baru, MSAE menganugerahkan Keahlian Kehormat kepada Puan Azulita Binti Salim. Pihak LPP juga telah bersetuju untuk menjadi tuan rumah bagi penganjuran konferens MSAE2020 nanti. Semoga hubungan LPP dan MSAE akan sentiasa kekal erat bersama-sama dalam memacu perkembangan industri pertanian di negara ini.



Gambar 6: Kunjungan hormat Presiden MSAE dan Exco kepada Ketua Pengarah, Lembaga Pertubuhan Peladang

## HARI RAYA AIDILFITRI 1440 HIJRAH BERSAMAAN 4 JUN 2019

Presiden dan Exco MSAE mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri, Maaf Zahir dan Batin kepada semua ahli MSAE. Semoga amal ibadah kita pada bulan Ramadhan yang lalu diterima oleh Allah S.W.T dan semoga kita semua beroleh berkat serta dipermudahkan segala urusan di dunia dan di akhirat insyaa Allah.



Gambar 7: E-kad raya dari Exco MSAE

**SALAM AIDILFITRI DARI EXCO MSAE SESI 2019/2021.**